



D.R. 17/99

Naskhah Sahih—**Bahasa Kebangsaan**

RANG UNDANG-UNDANG BADAN BERKANUN
(KUASA MEMINJAM) 1999

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Pemakaian
4. Percanggahan atau ketidakselarasan
5. Kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengawal selia penjalanan kuasa meminjam oleh semua badan berkanun yang ditubuhkan oleh undang-undang persekutuan dan oleh semua syarikat dan perbadanan yang ditubuhkan oleh badan berkanun itu, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"badan berkanun" ertinya mana-mana pertubuhan yang ditubuhkan oleh undang-undang persekutuan;

"Menteri", berhubung dengan sesuatu badan berkanun, ertinya Menteri yang pada masa ini bertanggungjawab bagi badan berkanun itu;

"perbadanan" ertinya sesuatu perbadanan yang ditubuhkan oleh suatu badan berkanun menurut kuasa yang diberikan kepada badan berkanun itu di bawah undang-undang persekutuan yang menubuhkan badan berkanun itu;

"syarikat" ertinya sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] oleh suatu badan berkanun menurut kuasa yang diberikan kepada badan berkanun itu di bawah undang-undang persekutuan yang menubuhkan badan berkanun itu.

Pemakaian

3. (1) Akta ini hendaklah terpakai bagi semua badan berkanun dan semua syarikat dan perbadanan yang ditubuhkan oleh badan berkanun itu.

(2) Peruntukan Akta ini hendaklah dibaca bersama dan ditafsirkan sebagai satu dengan peruntukan undang-undang persekutuan yang menubuhkan badan berkanun itu atau perbadanannya.

Percanggahan atau ketidakselarasan

4. (1) Sekiranya ada apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan undang-undang persekutuan yang menubuhkan badan berkanun itu atau perbadanannya, maka peruntukan Akta ini hendaklah menggantikan peruntukan yang bercanggah atau tidak selaras dalam undang-undang persekutuan itu setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu.

(2) Peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan yang selaras atau tidak bercanggah dengan peruntukan Akta ini hendaklah terus terpakai.

Kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan

5. Sesuatu badan berkanun atau sesuatu syarikat atau perbadanan yang ditubuhkan oleh suatu badan berkanun tidak boleh meminjam wang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalan penjalanan kuasa meminjam oleh semua badan berkanun yang ditubuhkan oleh undang-undang persekutuan, dan oleh semua syarikat dan perbadanan yang ditubuhkan oleh badan berkanun itu.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* mengandungi takrif beberapa istilah tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Akta yang dicadangkan hendaklah terpakai bagi semua badan berkanun dan semua syarikat dan perbadanan yang ditubuhkan oleh badan berkanun itu. Ia juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa peruntukan Akta yang dicadangkan ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan undang-undang persekutuan yang menubuhkan suatu badan berkanun atau perbadanannya.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa peruntukan Akta yang dicadangkan ini hendaklah menggantikan mana-mana peruntukan yang bercanggah atau tidak selaras dengannya dalam undang-undang persekutuan yang menubuhkan suatu badan berkanun atau perbadanannya.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk menghendaki sesuatu badan berkanun, atau sesuatu syarikat atau perbadanan yang ditubuhkan oleh suatu badan berkanun, mendapatkan kelulusan daripada Menteri dan Menteri Kewangan terlebih dahulu sebelum boleh meminjam wang.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2033]